

## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **DIVIDEN BAGI TAHUN 2021 DIBAYAR TUNAI KE AKAUN MODAL SYER ANGGOTA**

#### **1. Berapakah kadar bayaran dividen bagi tahun kewangan 2021?**

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-41 yang berlangsung pada 30 Jun 2021 meluluskan dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 sebanyak **7%** dibayar tunai ke akaun modal syer anggota bermula pada **15 Julai 2021**.

#### **2. Mengapakah dividen dibayar secara tunai ke akaun modal syer anggota?**

Bayaran dividen secara tunai ke akaun modal syer bertujuan seperti berikut:

- (a) KPF ke arah melaksanakan urusniaga secara elektronik sepenuhnya. Namun peratusan anggota yang masih belum mengemas kini maklumat perbankan terkini adalah tinggi menyebabkan urusniaga seperti penebusan modal syer dan pembayaran dividen tahunan anggota tidak dapat diproses dengan sempurna. Melalui platform elektronik ini, KPF dapat mengumpul maklumat data anggota terkini.
- (b) Pilihan kepada anggota yang berhasrat untuk mempermodalkan semula keseluruhan atau sebahagian dividen tahunan terutama bagi anggota yang memperolehi nilai dividen yang kecil dan mahukan dividen terus ditambah ke akaun modal syer (dipermodalkan) untuk meningkatkan jumlah syer mereka.
- (c) Sebagai galakan kepada anggota untuk meningkatkan modal syer anggota melalui dividen dipermodalkan semula selain daripada penambahan secara tunai. Ini juga amalan biasa koperasi-koperasi untuk meningkat dan mengukuhkan dana anggotanya.
- (d) Memberi pilihan kepada anggota yang berhasrat untuk mengambil dividen semasa pembayaran dividen diisyiharkan.

#### **3. Bagaimana dan bilakah pengeluaran dividen boleh dilakukan?**

- (a) Pengeluaran dividen sebanyak 7% boleh dilakukan mulai **15 Julai 2022** dan ditutup pada **15 Ogos 2022**.
- (b) Pengeluaran dividen boleh dibuat secara atas talian atau manual menggunakan Borang Pengeluaran Dividen seperti berikut:
  - (i) Permohonan Secara Atas Talian

Langkah 1: Layari <https://kpf.my>; klik “e-service” dan klik “e-dividen”.

Langkah 2: Masukkan nombor Kad Pengenalan tanpa “-”.

Langkah 3: Masukkan maklumat yang diperlukan dan klik “**Kod Pengesahan**”  
– Kod Pengesahan (TAC) dihantar melalui SMS ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan.

Langkah 4: Masukkan nombor “**Kod Pengesahan**” tersebut dan klik “**Hantar**”.

(ii) Permohonan Secara Manual

Langkah 1: Layari <https://kpf.my>.

Langkah 2: Klik “**Borang**”; Klik “**Keanggotaan**”; Klik “**Borang Pengeluaran Dividen**” untuk muat turun borang.

Langkah 3: Cetak borang.

Langkah 4: Lengkapkan borang dan hantar melalui e-mel, WhatsApp atau pos.

(c) Dividen dibayar ke akaun bank pemohon dalam tempoh 3 hari bekerja.

(d) Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian **03-2694 2095** atau **03-2694 2108** (waktu pejabat) atau e-mel kepada **kpfanggota@felda.net.my** atau whatsapp ke nombor **019-266 6348**.